

1. Terangkan keperluan penyelesaian masalah secara berstrategi dan berikan satu contoh situasi yang memerlukan strategi tersebut. (5 markah)

2. Nyatakan empat ciri penyelesaian masalah yang berkesan. (4 markah)

Jawapan:

3. Senaraikan dan huraikan secara ringkas lapan langkah dalam proses penyelesaian masalah. (8 markah)

4. Bina satu algoritma berbentuk pseudokod untuk menyelesaikan masalah menukar suhu daripada Celsius kepada Fahrenheit. (6 markah)

5. Berdasarkan kod berikut, nyatakan jenis struktur kawalan yang digunakan dan terangkan fungsinya.

```
if (markah >= 50) {  
    System.out.println("Lulus");  
} else {  
    System.out.println("Gagal");  
} (4 markah)
```

6. Apakah perbezaan antara pemboleh ubah global dan setempat? Berikan contoh untuk setiap jenis. (5 markah)

7. Diberi kod berikut:

```
int a = 5;
```

```
float b = 6.7f;
```

```
boolean c = true;
```

```
String d = "Sains Komputer";
```

Nyatakan jenis data bagi setiap pemboleh ubah. (4 markah)

8. Terangkan tiga jenis ralat yang boleh berlaku dalam atur cara pengaturcaraan. Berikan satu contoh untuk setiap jenis ralat. (6 markah)

9. Terangkan apa itu tatasusunan satu dimensi. Berikan satu contoh atur cara pendek yang mengisytiharkan dan menetapkan nilai awal kepada tatasusunan. (5 markah)
